

# Status Wanita sebagai Penjenayah Menurut Undang-undang Jenayah Islam

Prof. Madya Datin Paizah Hj. Ismail

## *Abstract*

*In Islamic Criminal Law, a woman is treated on the same basis as a man either as a criminal subject or for punishment. However, Hanafi jurists differ in opinion in the capacity of woman as a criminal subject in robbery. The article attempts to scrutinize the approach of the jurists which, in fact, does not contravene the opinion of the jumhur ulama.*

## Pendahuluan

Dalam undang-undang jenayah Islam, berlakunya tindakan jahat yang diharamkan bukan dengan sendirinya boleh menyebabkan berlakunya jenayah. Ia tertakluk kepada berbagai-bagai syarat, termasuk yang berkaitan dengan pelakunya. Ini kerana Islam tidak melihat jenayah dari aspek fizikal atau '*actus reas*' semata-mata, tetapi juga dari aspek moral atau '*mens rea*'.<sup>1</sup>

## Subjek Jenayah

Dalam undang-undang Islam, syarat utama pelaku bagi tindakan yang boleh menyebabkan berlakunya jenayah itu ialah ia mestilah suatu subjek yang boleh dipertanggungjawabkan atas perbuatan yang dilakukan. Ini bererti secara tabiinya ia

mestilah seorang manusia. Kerana manusia sahajalah yang memiliki ciri-ciri yang membolehkan ianya dipertanggungjawabkan atas segala apa yang dilakukannya. Dalam istilah Islam, kapasiti berkenaan disebut sebagai *taklif*. Ciri-ciri kapasiti tersebut ialah mempunyai daya sedar dan daya pilih di samping baligh dan berakal.<sup>2</sup>

Antara dalil yang mendokong hakikat ini ialah penolakan kemungkinan dipertanggungjawabkan subjek bukan manusia, seperti binatang, telaga, lombong dan sebagainya atas segala apa yang terjadi hasil daripadanya atau apa-apa kejadian yang berkaitan dengannya. Sabda Rasulullah s.'a.w. yang bermaksud:

*"Luka yang disebabkan oleh binatang percuma, yang disebabkan oleh telaga (juga) percuma dan yang disebabkan oleh lombong (juga) percuma"*

(*Hadis riwayat al-Bukhari*)<sup>3</sup>

Mengulas hadis di atas, Ibn Hajar berkata, yang dimaksudkan dengan luka dalam hadis berkenaan hanyalah sebagai contoh sahaja.<sup>4</sup> Ini bererti apa saja yang disebabkan oleh binatang, telaga dan lombong atau apa saja subjek bukan manusia tidak boleh menyebabkan berlakunya jenayah, kecualiah kalau terdapat peranan manusia dalam menyebabkan ia berlaku.<sup>5</sup>

Sementara keperluan kepada sifat baligh dan berakal pula diterangkan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran dan Rasulullah s.'a.w. dalam al-Sunnah. Antara ayat-ayat yang berkenaan ialah firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*"Dan apabila anak-anakmu elah sampai umur baligh maka hendaklah mereka meminta izin seperti orang-orang yang sebelum mereka meminta izin"*

*al-Nur (24): 59*

Menurut al-Qurtubi, ayat di atas walaupun bukan secara khusus mengenai kanak-kanak dalam hal-hal jenayah, namun secara tidak langsung boleh difahami menegaskan bahawa kanak-kanak tidak akan dipertanggungjawabkan atas perbuatan yang mereka lakukan selagi mereka belum baligh, kerana mereka tidak terlibat dengan arahan-arahan syarak sama ada yang berkaitan dengan ibadat, muamalat ataupun jenayah.<sup>6</sup>

Ini diperkuuhkan lagi dengan hadis Nabi s.'a.w. yang bermaksud:

*"Dari Aisyah bahawa Nabi s.ia.w. bersabda: Diangkat qalam (tidak tercatit dosa) dari tiga golongan: dari kanak-kanak sehingga ia baligh, orang tidur sehingga dia sedar dari tidurnya dan dari orang gila sehingga dia siuman"*

(*Hadis riwayat al-Imam Ahmad*)<sup>7</sup>

Mengulas hadis di atas, al-San'ani menyebut bahawa tiga golongan yang tersebut dalam hadis berkenaan tidak tertakluk kepada taklif. Sebabnya ialah kerana mereka tidak mempunyai daya sedar yang cukup terhadap apa-apa yang mereka lakukan. Kerana yang dimaksudkan dengan orang yang tidur dalam hadis berkenaan ialah orang yang betul-betul lena. Yang dimaksudkan dengan kanak-kanak pula ialah yang belum

mumayyiz, sementara yang dimaksudkan dengan orang gila ialah yang hilang akal.<sup>8</sup>  
Mengenai orang yang tidak ada daya pilih atau daya sedar pula Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

*"Kecuali mereka yang dipaksadan hatinya tetap dengan iman"*  
(al-Nur (16): 106)

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*"Maka barang siapa dalam keadaan terpaksa dan tidak menginginkannya  
dan tidak (pula) melampaui batas maka tidak ada dosa baginya"*

(al-Baqarah (2): 164)

Dalam al-Sunnah Rasulullah s.'a.w. bersabda yang bermaksud:

*"Diangkat dari umatku dengan sebab tersalah, terlupa dan dipaksa"*  
(Hadis riwayat Ibn Majah)<sup>9</sup>

Adalah jelas sekali dalam menghurai tentang kedudukan manusia sebagai subjek undang-undang, syariat Islam menolak sebarang sifat diskriminasi yang berasaskan apa sahaja termasuk kaum, warna kulit dan jantina. Ini selaras dengan prinsip persamaan Islam yang mutlak dan menyeluruh bagi umat manusia.

Hakikat ini merupakan pembaharuan yang menyeluruh terhadap nilai yang terdapat pada waktu sebelum Islam di bawah dasar hidup zaman jahiliah.<sup>10</sup> Pada zaman jahiliah, diskriminasi undang-undang amat ketara sekali. Dalam kes pembunuhan misalnya, bayaran diyat bagi golongan bangsawan berganda-ganda lebih tinggi berbanding dengan yang perlu dibayar kepada golongan orang biasa. Malah dalam sesetengah keadaan, pembunuhan balas bukan sahajadikenakan ke atas pesalah yang sebenarnya tetapi juga atas keluarganya.<sup>11</sup>

Al-Qurtubi dalam tafsirnya<sup>12</sup> menyebut bahawa Allah s.w.t. telah menurunkan perintah-Nya dalam Tawrat supaya tidak didiskriminasikan di antara nyawa dengan nyawa. Tetapi perintah itu tidak dipatuhi oleh orang-orang Yahudi. Mereka telah menentukan sendiri bahawa diyat kaum Nadir lebih tinggi nilainya. Begitu juga kaum Nadir tidak akan dibunuh kalau mereka membunuh kaum Qurayzah. Tetapi sebaliknya kaum Qurayzah akan dibunuh apabila mereka membunuh kaum Nadir. Apabila Islam datang, kaum Qurayzah telah mendapatkan pandangan Rasulullah s.'a.w. mengenai masalah itu. Rasulullah telah memberikan keputusan supaya tidak dibezakan di antara seorang pembunuhan dengan seorang pembunuhan yang lain. Keputusan tersebut tidak dipersetujui oleh kaum al-Nadir kerana mereka menganggap ia telah merendahkan taraf mereka. Bagi menjelaskan kedudukan tersebut ayat 45, surah *al-Ma'idah* diturunkan, maksudnya:

*'Dan kami telah tetapkan ke atas mereka di dalamnya (Tawrat) bahawa  
jiwa di balas dengan jiwa'*

Dalam sebuah hadis diriwayatkan bahawa telah berlaku di zaman Nabi s.'a.w. satu peristiwa di mana seorang perempuan yang sangat dihormati oleh kaum quraysy

telah mencuri. Lalu mereka bimbang kalau-kalau Rasulullah melaksanakan hukuman potong tangan ke atas perempuan berkenaan. Mereka cuba mendapatkan syufaat dari Nabi s.'a.w. dengan mengutus Usamah Ibn Zayd untuk tujuan tersebut. Tuntutan mereka telah menimbulkan kemarahan Rasulullah s.'a.w. Lalu baginda memberikan khutbahnya dengan bersabda:

*'Wahai manusia, sesungguhnya telah binasa orang-orang terdahulu dari kamu kerana apabila orang-orang yang mulia dari kalangan mereka mencuri mereka kenakan hukuman had. Demi Allah, kalau sekiranya Fatiman binti Muhammad mencuri, aku akan potong tangannya'.<sup>13</sup>*

Adalah jelas penegasan Nabi s.'a.w. dalam hadis di atas dibuat secara mutlak dan menyeluruh atas semua yang melakukan kesalahan, sama ada lelaki atau perempuan, mulia atau hina dan sebagainya.

Pelaksanaan kepada konsep persamaan ini diperkuuhkan lagi dengan tindakan Nabi s.'a.w. sewaktu melaksanakan had qadhab ke atas mereka yang membuat tuduhan ke atas 'A'isyah. Al-Suhayli dalam bukunya telah mengulas apa yang terkandung dalam buku *Sirah Ibn Hisyam* yang menyebut bahawa Nabi s.'a.w. menjatuhkan hukuman had dalam kadar yang biasa ke atas para penuduh tersebut. Kata beliau, pelaksanaan tersebut membuktikan adanya persamaan nilai sesama manusia. Seorang yang melakukan kesalahan qadhab tidak boleh dihukum lebih dari lapan puluh rotan walaupun dia menuduh orang yang paling mulia dalam masyarakat. Begitu juga hukumannya tidak boleh dikurangkan dari itu.<sup>14</sup>

### Wanita sebagai Subjek Jenayah

Sebagai subjek jenayah, Islam menentukan kedudukan wanita sama dengan kedudukan lelaki. Persamaan ini selaras dengan dasar umum persamaan Islam yang diberikan kepada semua orang. Ia memberi erti, dalam soal jenayah, lelaki dan wanita sama sahaja, baik dalam aspek penjenayah atau dalam aspek hukuman.

Adalah jelas dapat diperhatikan melalui nas-nas yang menentukan perbuatan jenayah atau hukuman ke atasnya bahawa wanita dan lelaki tidak pernah dibezakan. tidak kira sama ada jenayah berkenaan bersabit dengan nyawa, tubuh badan, hartadan sebagainya. Malah dalam setengah-setengah hal persamaan seperti itu ditegaskan. Dalam kesalahan qisas dan diyat misalnya Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

*"Wahai orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu qisas berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh. Orang merdeka dengan orang merdeka hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita"*

(al-Baqarah (2): 178)

Ayat di atas dengan jelas menerangkan konsep persamaan dalam pelaksanaan qisas ke atas pelaku jenayah tanpa melihat siapa dia, sama ada lelaki atau wanita, orang merdeka atau hamba.

Dalam kesalahan hudud juga terdapat nas-nas yang menyebut secara khusus wanita

sebagai subjek jenayah. Antara nas-nas berkenaan ialah seperti firman Allah s.w.t. dalam surah *al-Nur* ayat 2, mengenai kesalahan zina yang bermaksud:

*"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina maka sebatlah kedua mereka seratus kali sebat"*

Dalam surah *al-Ma'idah* (5) ayat 38, mengenai kesalahan mencuri Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

*"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri maka potonglah tangan kedua mereka (sebagai) pembalasan atas apa yang mereka lakukan dan sebagai seksaan dari Allah s.w.t."*

Dalam kesalahan ta'zir juga terdapat nas-nas yang menyebut wanita sebagai subjek jenayah. Antaranya ialah firman Allah s.w.t. dalam surah *al-Nisa'*(4), ayat 34 yang bermaksud:

*"Wanita-wanita yang kamu khuatiri nusyuznya maka nasihatilah mereka dan pisahkan dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka"*

Dalam al-Sunnah juga terdapat banyak hadis yang diriwayatkan dari Rasulullah s.'a.w. menyebut tentang tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap para wanita yang melakukan kesalahan-kesalahan berkenaan. Antaranya ialah kes perempuan Bani Hudhayl yang membunuh madunya yang sedang mengandung,<sup>15</sup> kes seorang wanita dari San'a' yang membunuh anak tirinya dalam satu pakatan jahat,<sup>16</sup> kes perzinaan isteri majikan dengan pekerja suaminya, iaitu yang dikenali sebagai kes *al-'Asif*,<sup>17</sup> kes curi Fatimah al-Makhzumiyyah<sup>18</sup> dan banyak lagi. Dalam semua kes di atas tidak pernah disebut soal memberi layanan yang tidak sama terhadap wanita berbanding dengan yang diberikan kepada lelaki.

Berasaskan kepada nas-nas di atas, para fuqaha bersetuju bahawa wanita mempunyai kapasiti yang sama dalam undang-undang jenayah. Mereka berpendapat, dari segi penjenayah wanita sama dengan lelaki.

Bagaimana dalam kes merompak, para fuqaha Hanafi berpendapat, wanita tidak berkpasiti melakukannya. Ini memandangkan mereka mempunyai tubuh badan yang tidak dapat melaksanakan kerja-kerja seperti itu yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental tertentu.<sup>19</sup> Walaupun begitu majoriti fuqaha berpendapat sebaliknya. Bagi mereka kelemahan sifat fizikal tidak menghalang wanita dari layak menjadi penjenayah dalam kesalahan-kesalahan berkenaan.<sup>20</sup>

Perbezaan pendapat di kalangan para fuqaha dalam masalah ini agak menarik sekali dan perlu diteliti latar belakangnya. Apakah dengan fatwa yang diberikan oleh para fuqaha Hanafi itu bererti mereka menolak prinsip persamaan antara lelaki dengan wanita dalam konteks sebagai penjenayah dan apakah yang mempengaruhi fatwa mereka.

Seperti yang disebut di atas, tidak ada nas sama ada dari al-Quran atau al-Sunnah yang memberi faham bahawa satu bentuk perbezaan hendaklah ditentukan antara lelaki dan wanita dalam mana-mana kes sekali pun sejauh persoalan kapasiti melakukan jenayah. Sebaliknya nas-nas berkenaan memberi faham bahawa mereka adalah sama

sahaja dan tertakluk kepada pengukuran yang sama.

Berasaskan kepada hakikat ini, pandangan para fuqaha mazhab Hanafi kelihatan agak janggal dan bertentangan dengan apa yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Walau bagaimanapun hakikatnya tidak seperti itu. Kerana pandangan para fuqaha Hanafi bukan menolak hakikat persamaan antara lelaki dan wanita dari segi undang-undang, tetapi berasaskan kepada fakta bahawa kaum wanita tidak mempunyai kemampuan yang cukup seperti mana yang diperlukan oleh undang-undang untuk memenuhi syarat sebagai perompak. Bagi para fuqaha Hanafi, merompak adalah suatu tindakan jahat yang banyak bergantung kepada kekuatan fizikal. Kerana antara rompakan ini dilakukan di lebuh-lebuh raya atau sebagainya.<sup>21</sup> Sesuai dengan metod mereka dalam berjihad, mereka berpendapat, tuduhan bahawa wanita terlibat dalam kerja-kerja seperti ini, mengandungi keraguan yang boleh menghindarkan hukuman hudud ke atas seseorang.

Sebenarnya pandangan seperti ini samalah dengan pandangan ‘Umar Ibn al-Khattab apabila dia tidak melaksanakan hukuman potong tangan ke atas pencuri di tahun kelaparan yang masyhur itu. Kerana penangguhan hukuman tersebut adalah berasaskan fakta bahawa jenayah berkenaan dilakukan di bawah desakan hidup yang amat sangat sehingga boleh menimbulkan keraguan terhadap niat jenayah pada pencuri berkenaan. Dengan kata lain, ia bukan suatu perlanggaran terhadap kehendak undang-undang, tetapi kerana fakta kes yang tidak membolehkan kehendak undang-undang berkenaan dilaksanakan.

Begitu jugalah dengan apa yang difatwakan oleh para fuqaha Hanafi dalam masalah ini. Ia juga dibuat berasaskan kepada fakta atau kenyataan hidup pada waktu itu, dan bukanlah pandangan mazhab berkenaan bagi setiap zaman dan keadaan. Oleh kerana itu ia boleh berubah apabila kenyataan hidup berubah, iaitu apabila ternyata perompak tidak lagi merupakan tindakan jahat yang semata-mata bergantung kepada kekuatan fizikal, tetapi sebaliknya banyak bergantung kepada kemahiran dan kecekapan otak dan sebagainya, sebagaimana yang ada pada hari ini.

Oleh kerana itu, perbezaan pendapat para fuqaha mazhab Hanafi tidak berbangkit lagi sekarang.

Kesimpulannya boleh dibuat bahawa para fuqaha seluruhnya berpendapat wanita mempunyai kapasiti undang-undang yang sama dengan lelaki untuk dipertanggung-jawabkan sebagai penjenayah. Dengan demikian status kapasiti wanita sebagai penjenayah adalah jelas dan tidak dipertikaikan lagi oleh para fuqaha seluruhnya.

NOTA HUJUNG

1. Lihat: Huraian-huraian mengenai masalah ini dalam: 'Abd al-Qadir Awdah, *al-Tasyri' al-Jina'i*. Kaherah: 1968, hh. 380-488; Muhammad Abu Zahrah, *al-Jarimah wa al-Uqubah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi (t.t.), j. 1, hh. 414-539.
2. Lihat: Ali Rasyid, *al-Qanun al-Jina'i*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, cet. 2, 1974, h. 393; Abu Zaharah, *Ibid.*, h. 417.
3. Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, Beirut: Dar al-Fikr, 1993, j. 14, h. 250.
4. *Ibid.*, h. 254.
5. *Ibid.*, h. 255.
6. Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: 1956, h. 12, h. 308.
7. Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad*. Beirut: Dar al-Fikr (t.t.) j. 6, h. 100.
8. Al-San'ani, *Subul al-Salam*. Kaherah: al-Halabi, 1960, j. 3, h. 180.
9. Ibn Majah, *Sunan*. Kaherah: Dar al-Hadis (t.t.), j. 1 h. 659.
10. Muhammad Salim al-Ewa, *Fi Usul al-Nizam al-Jina'i al-Islami*. Kaherah: Dar al-Ma'rifah, 1979, h. 61.
11. *Ibid.*, h. 61.
12. Al-Qurtubi, *op.cit.*, j. 6 h. 1911.
13. Hadis riwayat Muslim. Lihat: al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Syarh al-Imam al-Nawawi*. Kaherah: Dar al-Fikr, 1983, j. 6, hh. 186-187.
14. 'Abd al-Rahman al-Suhayli, *al-Rawd al-Awf*. J. 2, h. 225.
15. Hadis riwayat al-Bukhari dan Abu Da'ud. Lihat: Ibn Hajar al-Asqalani, *op.cit.*, h. 248; Abu Dawwud, *Sunan*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqaffiyah, 1988, j. 2, h. 217.
16. Al-'Asqalani, *Ibid.*, j. 14, h. 217.
17. *Ibid.*, j. 14, h. 100.
18. *Ibid.*, h. 39.
19. Al-Kasani, *Bada'i' al-Sana'i'*. Kaherah: Maktabah al-Jamaliyyah, 1328H., j. 9, h. 2484.
20. Lihat: al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*. Kaherah: Matba'ah Bulaq, 1192H., j. 8, h. 4; Ibn Qudamah, *al-Mughni*. Kaherah: Maktabah al-Qaherah, 1968, j. 9, h. 153; al-Dusuqi, *Hasyiah*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-fArabiyyah, (t.t.) j. 4, h. 350.
21. Al-Kasani, *op.cit.*, j. 9, h. 4284. Lihat huraiannya dalam: Bahnasi, *al-Siasah al-Jina'iyyah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*: Beirut: Dar al-Syuruq, 1993, h.17.